



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN BAHASA SUKU CHE WONG DI KUALA GANDAH,  
PAHANG, MALAYSIA***

**NORAJIHAH BINTI MUDA**

**FBMK 2016 6**



**PENGUNAAN BAHASA SUKU CHE WONG DI KUALA GANDAH,  
PAHANG, MALAYSIA**

Oleh

**NORAJIHAH BINTI MUDA**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Februari 2016**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karyaseni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGUNAAN BAHASA SUKU CHE WONG DI KUALA GANDAH,  
PAHANG, MALAYSIA.**

Oleh

**NORAJIHAH BINTI MUDA**

**Februari 2016**

**Pengerusi : Profesor Madya Raja Masittah bt Raja Ariffin, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengandungi kepelbagaian kaum dan etnik yang membawa kepada kepelbagaian bahasa yang mewakili setiap suku kaum. Orang Asli merupakan salah satu suku kaum yang tinggal di Malaysia yang terbahagi kepada tiga golongan, iaitu Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Che Wong merupakan salah satu suku kaum Orang Asli yang tergolong dalam suku masyarakat orang Asli Senoi. Suku Senoi merupakan suku Orang Asli yang terbesar, diikuti oleh kelompok Melayu-Proto dan kelompok Negrito. Suku Che Wong sebahagian besarnya terdapat di Pahang yang berjumlah kira-kira 651 orang yang tinggal terutamanya di kawasan Kuala Gandah. Perkampungan Orang Asli Kuala Gandah terletak di daerah Temerloh. Perkampungan ini juga terletak berdekatan dengan Pusat Ekskavasi Gajah Kebangsaan. Kajian ini memberi tumpuan terhadap aspek bahasa yang dituturkan oleh penduduk suku Orang Asli Che Wong di Kuala Gandah. Kajian ini menggunakan khidmat imforman yang merupakan penutur natif dalam kalangan suku Che Wong. Kajian ini mengemukakan kepada tiga objektif, iaitu pertama mengenal pasti penggunaan bahasa suku Che Wong dalam kalangan anggota masyarakatnya di Kuala Gandah; kedua, membandingkan penggunaan bahasa suku Che Wong dan bahasa Melayu dalam kalangan anggota masyarakat Che Wong di Kuala Gandah dan objektif ketiga pula, menghuraikan kelestarian penggunaan bahasa Suku Che Wong di Kuala Gandah. Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori etnolinguistik dan kaedah tipologi keterancaman bahasa. Teori etnolinguistik dan kaedah tipologi keterancaman bahasa digunakan dalam menganalisis dan menjawab ketiga-tiga objektif. Dua kaedah digunakan dalam pengumpulan data, iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mengkaji sikap dan tingkah laku dalam bahasa. Kaedah kualitatif pula digunakan untuk mengkaji sistem bunyi bahasa melalui teknik pemerhatian, teknik bercerita, teknik lafaz, teknik temu bual dan soal selidik. Sebanyak 80 orang responden telah dipilih dalam kalangan masyarakat Che Wong. Dapatan kajian menunjukkan bahasa suku Che Wong masih lagi utuh dan dilestarikan dalam kalangan anggota masyarakatnya walaupun sudah terdapat pengaruh bahasa luar. Hal ini demikian kerana faktor tinggal berkelompok dalam lingkaran kaum mereka sahaja menyebabkan bahasa mereka tetap utuh dituturkan dalam kehidupan seharian.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Arts

**APPLICATIONS OF CHE WONG LANGUAGE IN KUALA GANDAH,  
PAHANG, MALAYSIA.**

By

**NORAJIHAH BINTI MUDA**

**February 2016**

**Chairman : Associate Professor Raja Masittah bt Raja Ariffin, Phd**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Malaysia is a country that contains a diversity of races and ethnic groups. This situation leads to diversity of languages that represent each tribes. Orang Asli represent one of the tribes residing in Malaysia. In Malaysia, Orang Asli are divided into the three groups that are Senoi, Negrito and Proto-Malay. The Che Wong is one of the Orang Asli tribes belonging to the tribe of Senoi community. Senoi community is the largest Orang Asli community, followed by Malay-Proto and Negrito groups. Che Wong tribe largely contained in Pahang and amounted about 651 people mainly in Kuala Gandah. Che Wong tribe village is located in Temerloh district. The village is also close to the National Elephant Excavation Center. This study focused on the aspects of the language, spoken by residents of Che Wong in Kuala Gandah. This study used the services of informant, which is the native speaker among the Che Wong tribe. The study focused on the three objectives, firstly, identify the use of Che Wong language among the community in Kuala Gandah. Secondly comparing the level of language use between Che Wong language and Malay language among the Che Wong people in Kuala Gandah and the third objective is, describes the preservation of Che Wong language in Kuala Gandah. The theory used in this study were ethnolinguistics theory and typology threatened language method. Typology threatened language method and ethnolinguistics theory were used in the all three objective. Two research methods were used to obtain the data that is quantitative and qualitative methods. The quantitative method was used to study the language attitude and behaviour, while the qualitative method to study the language sound. The techniques involve the observation techniques, story-telling techniques, interview techniques, pronunciation techniques and questionnaire techniques. A total of 80 respondents were selected among people in Che Wong. The findings showed that Che Wong language still intact conserved among members of the community despite the influence of external language. This is because the remaining cluster in their races ring has resulted in their spoken language remains intact.

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim...

Dengan nama Allah Yang Amat Pemurah Lagi Amat Mengasihani.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas kudrat dan kekuatan yang diberikan-Nya tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna walaupun terdapat beberapa kekangan dan cabaran yang dihadapi sepanjang perjalanan itu. Justeru, tidak dilupakan kepada mereka yang telah banyak berkorban masa, tenaga, ilmu dan memberikan kata-kata nasihat sebagai pemangkin semangat. Kerjasama serta sokongan yang tidak berbelah bahagi menjadi kekuatan sepanjang perjuangan.

*Buat penyelia yang terlalu banyak membantu,*

***Prof Madya Dr. Raja Masittah Bt Raja Ariffin,***

***Prof Madya Dr. Haji Mohd Sharifudin Bin Yusop***

*Budi dan jasa yang kalian curahkan selama ini hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Ilmu dan tunjuk ajar kalian akanku kenang sepanjang hayat. Terima kasih sentiasa menjadi pendorongku.*

*Buat keluarga tercinta,*

***Ibu Aminah Binti Mohd Zin***

*Doa dan restumu membuka jalan bahagiaku. Terima kasih atas segala pengorbananmu. Terima kasih selalu ada buatku. Terima kasih sentiasa percaya akan setiap impianku. Engkaulah jalan syurgaku.*

***Buat arwah ayah Muda Bin Said,***

*Tenanglah dikau di sana, restumu penguatku. Terima kasih untuk nasihat yang sederhana, namun bermakna dalam segalanya. Engkau ajarkan aku menjadi anak yang lebih tegar. Harapanmu akanku realitikan. Terima kasih atas kasih sayang, semoga Allah memberimu lebih kasih sayang. Hanya kiriman Al- Fatimah sebagai pengubat rindu padamu.*

***adik-beradik yang dikasihi, Noor Hainani dan Mohd Hatmi***

*kalian sahabat, kalian teman. Selalu ada di sisi saat jatuh bangunku. Terima kasih atas kasih sayang dan sokongan . kalian sentiasa menjadi sebahagianku.*

***Buat rakan seperjuangan,***

*Sesungguhnya kalianlah teman yang menjadi sumber inspirasi buatku. Terima kasih atas segala semangat dan dorongan kalian yang sentiasa menjadi kekuatan di sepanjang perjalanan. Terima kasih kerana sentiasa menjadi sahabat buatku.*



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 17 Februari 2016 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Norajihah binti Muda bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Penggunaan Bahasa Suku Che Wong di Kuala Gandah, Pahang, Malaysia” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Hasnah binti Mohamad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Dato' Teo Kok Seong, PhD**

Profesor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)



---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 21 April 2016



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Hj. Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/*fabrikasi* data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Norajihah Binti Muda, GS32636

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini diperakukan bahawa :

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Profesor Madya Raja Masittah Bt Raja Ariffin

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Profesor Madya. Hj. Mohd Sharifudin Bin Yusop

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvi
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Sejarah Masyarakat Orang Asli di Malaysia	4
1.3 Suku Bangsa Senoi	11
1.4 Penyataan Masalah	11
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Batasan Kajian	16
1.8 Definisi Operasional	16
1.8.1 Penggunaan bahasa suku Che Wong	16
1.8.2 Orang asli	16
1.8.3 Orang Asli Che Wong	21
1.8.4 Kuala Gandah	23
 <b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	24
2.2 Kesimpulan	26
 <b>3 METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	27
3.2 Reka Bentuk Kajian	27
3.3 Pengumpulan Data	29
3.4 Teori	29
3.4.1 Teori Etnolinguistik	30
3.4.2 Kaedah Tipologi Keterancaman Bahasa	31
3.5 Latar Kajian	36
3.6 Kaedah Kajian	37
3.6.1 Kaedah Kepustakaan	37
3.6.2 Kaedah Lapangan	38
3.7 Penganalisisan Data	40
3.8 Kesimpulan	40

#### 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1	Penggunaan Bahasa Suku Che Wong dalam Kalangan Masyarakat di Kuala Gandah	41
4.1.1	Jantina	44
4.1.2	Kumpulan Umur	45
4.1.3	Tempat Kelahiran	47
4.1.4	Keturunan Ibu Bapa	48
4.1.5	Taraf Pendidikan	49
4.1.6	Pekerjaan	51
4.1.7	Status Perkahwinan	53
4.1.8	Kebolehan Berbahasa	54
4.2	Perbandingan Penggunaan Bahasa Suku Che Wong Dan Bahasa Melayu dalam Kalangan Masyarakat Che Wong di Kuala Gandah	57
4.2.1	Penggunaan Bahasa Che Wong dalam Mandala Kekeluargaan	57
4.2.1.1	Ibu	58
4.2.1.2	Bapa	59
4.2.1.3	Adik Beradik	60
4.2.1.4	Datuk dan Nenek	60
4.2.1.5	Saudara Mara	61
4.2.2	Penggunaan Bahasa Che Wong dalam Mandala Kemasyarakatan	62
4.2.2.1	Kawan-Kawan	62
4.2.2.2	Jiran-Jiran	63
4.2.2.3	Masyarakat Luar	65
4.2.3	Perbualan dalam Pelbagai Situasi	67
4.2.3.1	Penggunaan Bahasa Ketika Bertegur Sapa	67
4.2.3.2	Penggunaan Bahasa Ketika Berjual Beli	68
4.2.3.3	Penggunaan Bahasa Ketika Bermain	70
4.2.3.4	Penggunaan Bahasa Ketika Berada Di Majlis Adat	71
4.2.3.5	Penggunaan Bahasa Ketika Menyanyi	72
4.2.3.6	Penggunaan Bahasa Ketika Mengira	73
4.2.3.7	Penggunaan Bahasa Ketika Berjenaka	74
4.2.3.8	Penggunaan Bahasa Ketika Memarahi Seseorang	75
4.2.3.9	Penggunaan Bahasa Ketika Menyatakan Perasaan Sayang	76
4.2.3.10	Penggunaan Bahasa Ketika Berfikir	77
4.2.3.11	Penggunaan Bahasa Ketika Berbincang Secara serius	78
4.3	Kelestarian Penggunaan Bahasa Suku Wong Di Kuala Gandah	80
4.3.1	Perasaan Masyarakat Orang Asli Che Wong Terhadap Bahasa Che Wong	80
4.3.2	Penilaian Tentang Pembelajaran Bahasa Che Wong	81

4.3.3	Sikap Mementingkan Bahasa Che Wong Dalam Kalangan Masyarakat Che Wong	83
4.3.4	Sikap Mementingkan Bahasa Che Wong Dalam Kalangan Ali Keluarga	84
4.3.5	Keperluan Kanak-Kanak Belajar Bahasa Che Wong	85
4.3.6	Keperluan Golongan Dewasa Che Wong Belajar Bahasa Che Wong	86
4.3.7	Keperluan Bahasa Che Wong diajarkan Di Sekolah	86
4.3.8	Keperluan Bahasa Che Wong dalam Adat Istiadat dan Agama	88
4.3.9	Keperluan Orang Lain Mengetahui Bahasa Che Wong	89
4.3.10	Sikap Bangga Terhadap Bahasa Che Wong untuk Masa Hadapan	90
4.3.11	Sikap Megah Bahasa Che Wong Sebagai Identiti Orang Che Wong	91
4.3.12	Sikap Mengambil Tahu Akan Tentang Asal Usul	92
4.3.13	Sikap Mengambil Tahu Akan Keberadaan Orang Asli Che Wong Di Luar Kuala Gandah	93
4.3.14	Sikap Bangga	95
4.3.15	Sikap Berusaha Melestarikan Bahasa Che Wong	96
<b>5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.1	Pengenalan	98
5.2	Rumusan	98
5.3	Lampiran	108
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	103
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	126
	<b>PENERBITAN</b>	127

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.2	Kelompok Etnik Orang Asli di Malaysia	5
1.3	Komuniti Pecahan Penduduk Orang Asli Mengikut Kaum dan Etnik	5
1.4	Senarai Penghulu atau Batin dalam Kalangan Orang Asli di Malaysia	8
1.5	Kategori Rumpun Bangsa dan Suku Kaum Orang Asli	18
3.1	Reka Bentuk Kajian	28
3.2	Model Teoritikal Kematian Bahasa Sasse (1992)	32
3.3	Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992)	32
3.4	Tahap Kemusnahan atau Kepupusan Bahasa	35
4.1	Latar Belakang Responden Orang Asli Che Wong	41
4.2	Bilangan Responden Masyarakat Orang Asli Che Wong	43
4.3	Kumpulan Umur Responden Masyarakat Orang Asli Che Wong	46
4.4	Tempat Kelahiran Responden Orang Asli Che Wong	47
4.5	Keturunan Ibu Bapa Responden Orang Asli Che Wong	48
4.6	Taraf Pendidikan Responden Orang Asli Che Wong	49
4.7	Pekerjaan Responden Orang Asli Che Wong	51
4.8	Status Perkahwinan Responden Orang Asli Che Wong	53
4.9	Kebolehan Berbahasa Responden Orang Asli Che Wong	54
4.10	Komunikasi dengan Ibu	58
4.11	Komunikasi dengan Bapa	59
4.12	Komunikasi dengan Adik-beradik	60
4.13	Komunikasi dengan Datuk dan Nenek	60

4.14	Komunikasi dengan Saudara-Mara	61
4.15	Komunikasi dengan Kawan-Kawan	62
4.16	Komunikasi dengan Jiran-Jiran	64
4.17	Komunikasi dengan Masyarakat Luar	65
4.18	Penggunaan Bahasa Ketika Bertegur Sapa	67
4.19	Penggunaan Bahasa Ketika Berjual Beli	68
4.20	Penggunaan Bahasa Ketika Bermain	70
4.21	Penggunaan Bahasa Ketika Berada di Majlis Adat	71
4.22	Penggunaan Bahasa Ketika Menyanyi	72
4.23	Penggunaan Bahasa Ketika Mengira	73
4.24	Penggunaan Bahasa Ketika Berjenaka	74
4.25	Penggunaan Bahasa Ketika Memarahi Seseorang	75
4.26	Penggunaan Bahasa Ketika Menyatakan Perasaan Sayang	76
4.27	Penggunaan Bahasa Ketika Berfikir	77
4.28	Penggunaan Bahasa Ketika Berbincang Secara Serius	78
4.29	Perasaan Terhadap Bahasa Che Wong	80
4.30	Penilaian Tentang Pembelajaran Bahasa Che Wong	81
4.31	Sikap Mementingkan Bahasa Che Wong dalam Kalangan Masyarakat Che Wong	83
4.32	Sikap Mementingkan Bahasa Che Wong dalam Kalangan Ahli Keluarga	84
4.33	Keperluan Kanak-Kanak Belajar Bahasa Che Wong	85
4.34	Keperluan Golongan Dewasa Belajar Bahasa Che Wong	86
4.35	Keperluan Bahasa Che Wong Diajarkan di Sekolah	87
4.36	Keperluan Bahasa Che Wong dalam Majlis Adat dan Agama	88
4.37	Keperluan Orang Lain Mengetahui Bahasa Che Wong	89



4.38	Sikap Bangga Terhadap Bahasa Che Wong untuk Masa Hadapan.	90
4.39	Sikap Megah Bahasa Che Wong Sebagai Identi Orang Che Wong	91
4.40	Sikap Mengambil Tahu Akan Tentang Asal Usul	92
4.41	Sikap Mengambil Tahu Akan Keberadaan Orang Asli Che Wong Di Luar Kuala Gandah	94
4.42	Sikap Bangga	95
4.43	Sikap Berusaha Melestarikan Bahasa Che Wong	96



## SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
BCW	Bahasa Che Wong
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli



## SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
A	Borang kebenaran menjalankan kajian oleh JHEOA	112
B	Borang kebenaran menjalankan kajian oleh Fakulti	114
C	Borang soal selidik	115
D	Jadual Bertema	118
E	Senarai Nama Responden	122
F	Gambar masyarakat orang Asli Che Wong	124

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Keperluan asas yang paling utama dalam kehidupan manusia adalah bahasa. Setiap individu memerlukan bahasa untuk berkomunikasi antara satu lain bagi memenuhi keperluan hidup. Bahasa merupakan elemen yang penting dalam kehidupan manusia kerana manusia menggunakan bahasa sebagai medium untuk berkomunikasi dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Asmah Hj. Omar (1993) menyatakan bahawa bahasa wujud apabila berlakunya pertuturan hasil kegiatan seseorang individu.

Pentingnya bahasa dalam kehidupan terbukti sejak zaman Nabi Adam alaihisalam lagi, apabila bahasa merupakan salah satu aspek penting dalam pembentukan diri penyampaian ilmu dalam kalangan manusia. Menurut al - Attas (1991), yang dipetik dalam Awang Sariyan (2009), ulama Islam mengistilahkan manusia sebagai *hayawan natiq* (*rational animal*). Istilah *natiq* bermaksud akal atau pertuturan atau bahasa, dan haiwan *natiq* atau haiwan rasional merujuk kepada makhluk mempunyai akal dan adanya ciri kemampuan 'berbahasa'. Hal ini jelas menunjukkan bahawa bahasa merupakan elemen yang penting dalam kewujudan dan kehidupan manusia di muka bumi.

Namun, sesuatu bahasa itu tidak dapat wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka antara satu sama lain. Bahasa merupakan hak milik bersama sesebuah masyarakat dan bukannya kepunyaan individu tertentu. Tanpa bahasa, manusia tidak akan dapat berkomunikasi dengan berkesan. Oleh sebab itu, bahasa ialah wahana perhubungan yang terpenting dalam kehidupan manusia. Fakta ini tidak boleh disangkal kerana sejak berkurun manusia telah mengiktiraf peranan bahasa dalam sistem komunikasi satu sama lain.

Kewujudan sesuatu bangsa atau kaum akan diiringi oleh bahasa yang tertentu. Setiap kaum mempunyai bahasa mereka sendiri. Tanpa bahasa, kaum atau bangsa itu tidak akan lengkap identitinya. Melalui bahasa, bangsa seseorang itu dapat dikenali. Hal ini demikian kerana bahasa merupakan salah satu wahana jati diri bangsa yang dapat memperkenalkan bangsa tersebut. Bahasa juga merupakan aspek yang dapat membezakan sesebuah bangsa dengan bangsa yang lain. Keunikan sesebuah bangsa atau kaum, kadangkala ditandai oleh bahasanya. Hal ini demikian kerana bahasa merupakan produk budaya suatu bangsa. Sesuatu bangsa tercermin melalui bahasanya. Melalui bahasa, sesebuah negara dikenali adat budayanya. Jati diri anak bangsa tergambar melalui bahasanya dan bahasa juga dapat menyatupadukan rakyat. Terjemahan budaya sesebuah bangsa tergambar melalui wahana yang paling indah, iaitu bahasa bangsa itu sendiri (Dewan Bahasa, Ogos 2013).

*Kamus Linguistik* (1997) mendefinisikan bahasa sebagai keupayaan fitrah manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi suara arbitrari yang dipersetujui bersama oleh satu kelompok sosial yang digunakan sebagai alat berinteraksi. *Kamus Dewan* (2005) menekankan tiga unsur utama dalam bahasa, iaitu percakapan yang baik, tingkah laku yang baik dan sopan santun. Ketiga-tiga unsur ini adalah signifikan dalam proses berinteraksi kerana dalam sesuatu perhubungan jika diintegrasikan menggunakan unsur-unsur tersebut maka perhubungan sesama manusia dapat difahami dengan lebih mendalam.

Hashim Musa (2008) menjelaskan bahawa, kedudukan dan peranan bahasa dengan diri manusia dan masyarakatnya amat signifikan selain menjadi alat komunikasi. Asas dan unsur-unsur utama dalam pembentukan sesebuah peradaban memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri, memupuk perpaduan dan maruah masyarakat penutur. Pembentukan peradaban juga mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasa, memupuk semangat kekitaan (*esprit de corp*) dan ketinggian adab susila. Hal ini jelas memperlihatkan bahasa sebagai alat komunikasi antara manusia yang merujuk kepada proses interaksi, dan berfungsi sebagai alat memulakan hubungan sosial. Fomomena ini terkandung dalam proses sosiologi bahasa.

Situasi seperti ini dapat dikaitkan dengan negara seperti Malaysia yang mempunyai kepelbagaian suku kaum. Keunikan kebudayaan dari Perlis hingga ke Sabah telah mewujudkan kepelbagaian budaya, bahasa dan adat resam. Malaysia terdiri daripada tiga kaum yang utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai suku kaum lain yang menjadi sebahagian warga Malaysia. Bentuk masyarakat di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum disebabkan oleh perubahan masa dan keadaan. Menurut sejarah, sebelum abad ke-18 dan abad ke-19, corak masyarakat di Malaysia tidak seperti sekarang, sebaliknya Semenanjung Tanah Melayu pada masa itu hanya didiami oleh Orang Melayu dan Orang Asli bersama-sama dengan sebilangan suku kaum yang lain. Suku kaum Orang Asli merupakan salah satu suku kaum yang menjadi tunggak kepelbagaian suku kaum di Malaysia. Walaupun bahasa kebangsaan merupakan bahasa Melayu, namun bahasa-bahasa lain yang menjadi identiti setiap kaum juga bebas digunakan tanpa sebarang sekatan.

Bahasa merupakan salah satu khazanah penting dalam masyarakat orang Asli. Masyarakat orang Asli menggunakan bahasa ataupun dialek yang berbeza mengikut suku kaum yang tertentu. Nicholas (2000) menyatakan bahawa bahasa orang Asli bermaksud tulen atau masyarakat pertama yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini turut dipersetujui oleh Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah (2007) yang mengatakan penduduk orang Asli ialah penduduk terawal yang mendiami Tanah Semenanjung Tanah Melayu, iaitu kira-kira 5000 tahun yang lalu. Mereka dikatakan berasal dari China dan Tibet dan berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu dan Kepulauan Indonesia melalui tanah besar Asia Tenggara.



**Rajah 1.1 : Taburan Penduduk Orang Asli di Semenanjung Malaysia**

Gambaran peta taburan penduduk orang Asli yang di atas menunjukkan taburan penduduk orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia. Taburan penduduk tersebut terbahagi kepada tiga kaum, iaitu suku Senoi, Negrito dan Melayu Proto. Orang Asli Che Wong termasuk dalam suku kaum Senoi yang banyak mendiami kawasan di Pahang.

## 1.2 Sejarah Masyarakat Orang Asli Di Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mengandungi penduduk yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Sebanyak 90% penduduk di Malaysia terdiri daripada tiga bangsa terbesar, iaitu Melayu, Cina dan India, manakala 10% lagi terdiri daripada kaum-kaum bumiputera yang lain. Di Semenanjung Malaysia, kaum Orang Asli merupakan salah satu suku kaum bumiputera dan menjadi sebahagian daripada penduduk Malaysia. Mereka mendiami negara ini sejak beribu tahun yang lalu. Masyarakat Orang Asli sering terpinggir daripada arus kemodenan dan sering dianggap sebagai masyarakat yang ketinggalan zaman. Menurut Mat Jidin Ahmad (1994) sebagai manusia terawal yang menduduki Tanah Semenanjung ini, sewajarnya mereka lebih ke hadapan daripada bangsa-bangsa lain di Malaysia, tetapi yang berlaku sebaliknya.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, masyarakat Orang Asli dipercayai datang dari Selatan Asia dan Indo-China. Mereka telah mendiami negara ini hampir 7000 tahun lamanya. Kebanyakan dari mereka berasal dari wilayah Khmer atau Kemboja. Mereka menjadi pemburu dan tinggal di dalam gua-gua batu. Kehidupan mereka berkisar di dalam hutan sahaja. Kehidupan masyarakat Orang Asli mula berubah ketika Malaysia belum mencapai kemerdekaan lagi iaitu semasa pendudukan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu (1941-1945). Orang Asli dijadikan sebagai petunjuk arah oleh pihak Gerila Komunis dalam Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA). Pada zaman darurat pada 1948-1960 terdapat Orang Asli yang membantu pihak British memerangi ancaman pihak Komunis dengan menggunakan sumpitan beracun dan sebagai balasan Orang Asli telah diberikan anugerah oleh pihak British. Pada zaman darurat juga, masyarakat Orang Asli sebenarnya terperangkap antara dua kumpulan bertentangan iaitu Komunis dan pasukan keselamatan negara, namun golongan ini mula menampakkan sedikit perubahan apabila Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ditubuhkan pada tahun 1954.

Orang Asli di Malaysia merupakan kaum minoriti yang bukan bersifat homogen. Masyarakat ini bersifat heterogen kerana terdapat perbezaan unik dari segi sosiobudaya dan psikososio-kognitif bagi setiap kaum. Hal ini berkaitan dengan latar belakang komuniti Orang Asli itu sendiri yang terdiri daripada tiga suku kaum yang utama dalam komuniti Orang Asli iaitu Senoi, Melayu Proto dan Negrito. Setiap kaum itu pula mempunyai enam suku yang berbeza-beza dan menjadikan Orang Asli di Malaysia terdiri daripada 18 suku bangsa secara keseluruhannya.

**Jadual 1.2 : Kelompok Etnik Orang Asli di Malaysia**

<b>Negrito</b>	<b>Senoi</b>	<b>Melayu-Proto</b>
Kintan	Semai	Temuan
Kensiu	Temiar	Semelai
Menriq	Jah Hut	Jakun
Bateq	Che Wong	Orang Kanaq
Lanoh	Semoq Beri	Orang Seletar
Jahai	Mah Beri	Orang Kuala

Orang Asli di Malaysia terdapat di seluruh Semenanjung, kecuali di Perlis dan Pulau Pinang. Menurut statistik dalam buku Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015, petempatan Orang Asli di Malaysia yang utama masih lagi terdapat di Pahang, Perak, Terengganu, Kelantan, Kedah, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor, seperti jadual berikut.

**Jadual 1.3 : Komuniti Pecahan Penduduk Orang Asli Mengikut Kumpulan Kaum Dan Etnik**

Bil	Daerah	NEGRITO					
		Kensiu	Kintak	Lanoh	Jahai	Mendriq	Bateq
1	JOHOR	-	-	-	1	-	-
2	KEDAH	208	30	10	3	-	-
3	KELANTAN	-	1	2	530	344	504
4	MELAKA	1	-	-	-	-	-
5	NEGERI SEMBILAN	-	-	-	-	-	-
6	PAHANG	-	-	1	15	3	906
7	PERAK	28	163	369	1,838	12	3
8	SELANGOR	-	-	-	-	3	-
9	TERENGGANU	-	-	-	-	-	34
JUMLAH KECIL		237	194	382	2,387	-	1,447
JUMLAH BESAR		5,009					
Bil	Daerah	SENOI					
		Temiar	Semai	Semoq Beri	Che Wong	Jah Hut	Mah Meri
1	JOHOR	5	20	6	6	16	2
2	KEDAH	14	5	-	-	-	-
3	KELANTAN	11,908	132	1	2	4	-
4	MELAKA	4	21	1	1	0	1



5	NEGERI SEMBILAN	24	48	2	1	8	13
6	PAHANG	186	18,876	4,421	610	5,328	18
7	PERAK	18,541	31,437	62	19	219	3
8	SELANGOR	356	895	9	8	43	3,762
9	TERENGGANU	-	3	811	4	-	-
JUMLAH KECIL		31,038	51,437	5,313	651	5,618	3,779
JUMLAH BESAR		97,856					
Bil	Daerah	MELAYU PROTO					
		Temuan	Semelai	Jakun	Orang Kanaq	Orang Kuala	Orang Seletar
1	JOHOR	762	38	7,091	123	3,4454	1,615
2	KEDAH	-	-	-	-	-	-
3	KELANTAN	16	2	10	1	-	-
4	MELAKA	1,427	3	32	-	24	-
5	NEGERI SEMBILAN	7,884	2,464	85	-	2	-
6	PAHANG	5,220	4,769	27,125	23	3	2
7	PERAK	225	229	134	1	14	2
8	SELANGOR	12,055	222	205	-	28	1
9	TERENGGANU	1	-	40	-	-	-
JUMLAH KECIL		27,590	7,727	34722	148	3,525	1,620
JUMLAH BESAR		75,332					

Sumber: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli

Berdasarkan jadual yang di atas, dapat dilihat bahawa suku kaum Senoi merupakan suku yang mempunyai jumlah penduduk yang paling ramai iaitu seramai 97,856 orang di seluruh Semenanjung Malaysia. Suku Che Wong hanya berjumlah 651 orang dan jumlah ini hampir pasti menjadi penanda aras kepupusan suku ini kerana jumlah penduduk di seluruh Semenanjung Malaysia kurang daripada seribu orang. Jumlah suku Che Wong yang berada di kawasan perkampungan orang asli Che Wong di Kuala Gandah hanyalah lebih kurang 300 orang sahaja.

Penempatan orang Asli kebanyakannya masih lagi terdapat di hutan-hutan tebal seperti di Pahang, Perak, Johor, Kelantan, Selangor dan Negeri Sembilan. Namun, terdapat juga masyarakat Orang Asli yang telah tinggal di pinggir-pinggir perkampungan masyarakat umum dan kebiasaannya mereka tinggal berhampiran dengan perkampungan orang Melayu. Secara keseluruhannya masyarakat Orang Asli masih lagi hidup dan tinggal berhampiran dengan hutan kerana mereka lebih selesa dekat dengan alam semula jadi.

Dalam buku Pantang *Larang dan Amalan Kesihatan Orang Asli Semenanjung Malaysia* (1998), Orang Asli dipercayai berasal dari negara jiran seperti Champa, Indo China, Burma dan Sumatera. Walaupun Orang Asli serumpun dengan Orang Melayu

kerana terdapat banyak persamaan dari segi fizikal, namun Orang Asli merupakan suku kaum yang terlebih dahulu datang ke Tanah Melayu iaitu sebelum tahun 1304. Menurut pendapat ini, kumpulan Orang Asli yang mula berhijrah ke Tanah Melayu dipercayai berasal dari Indo China, dan kini menetap di bahagian utara Tanah Melayu. Mereka mempunyai persamaan dari segi pertuturan, paras rupa dan cara hidup dengan salah satu daripada lebih 200 etnik yang terdapat di Myanmar dan Selatan Thailand. Contohnya dari segi bahasa dan perkataan yang digunakan oleh Orang Asli seperti 'manuk' (ayam), 'kak' (ikan) dan 'cuok' (anjing) sama seperti yang dituturkan oleh kaum etnik di Myanmar.

Kedatangan golongan kedua pula dipercayai berasal daripada kawasan Palembang dan Sumatera. Orang Asli kumpulan kedua ini kebanyakannya tinggal di bahagian selatan Tanah Melayu. Paras rupa dan budaya hidup orang Asli di sebelah selatan pada masa kini ada persamaannya dengan orang Melayu. Contohnya, hampir 70% bahasa Orang Asli suku bangsa Jakun menggunakan bahasa Melayu. Begitu juga dari segi penggunaan nama gelaran seperti panjang, kuntum, melati, along, angh, alang, andak, uda, itam, ateh dan busu turut digunakan dalam masyarakat Orang Asli.

Walau bagaimanapun, tamadun Islam sedikit sebanyak telah mempengaruhi budaya kumpulan kedua. Oleh sebab itu, dalam kalangan Orang Asli ada yang mengamalkan adat istiadat yang berkait rapat dengan orang Melayu. Sebagai contoh, suku Semelai mengamalkan adat istiadat berkhitan untuk kanak-kanak lelaki. Suku Jakun, Temuan, Semelai, dan Semai juga dipercayai menggunakan jampi serapah yang dimulai dengan 'bismillah' dan diakhiri dengan berselawat. Seperti orang Melayu, Orang Asli juga termasuk dalam golongan bumiputera. Hak dan keistimewaan Orang Asli termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah Akta 134 (Akta Orang Asli).

Institusi sosial masyarakat Orang Asli diketuai oleh Batin atau Penghulu Orang Asli. Batin atau penghulu Orang Asli merupakan pemimpin dan ketua daripada kelompok masyarakat Orang Asli sejak turun temurun. Kedudukan Batin atau Penghulu Orang Asli telah disahkan apabila Jabatan Kemajuan Orang Asli ditubuhkan pada tahun 1954 dan telah termaktub di bawah Seksyen 16 (1) Akta tersebut. Berdasarkan Akta tersebut, menteri yang berkenaan diberi kuasa bagi pengesahan pelantikan Batin atau Penghulu Orang Asli. Sehingga kini terdapat 590 Batin atau Penghulu Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia, seperti dalam jadual di bawah ini.

**Jadual 1.4 : Senarai Penghulu / Batin dalam Kalangan Orang Asli di Malaysia**

Bil	Negeri	Jumlah
1	Johor	46
2	Kedah	1
3	Kelantan	47
4	Negeri Sembilan	50
5	Melaka	6
6	Pahang	207
7	Perak	176
8	Selangor	54
9	Terengganu	3
	Jumlah	590

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKOA, 2010

Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 telah membawa sinar baharu dalam kalangan masyarakat orang Asli. Hal ini demikian kerana pada ketika itu kerajaan telah memberikan keutamaan kepada masyarakat Orang Asli dalam usaha-usaha membangunkan taraf sosioekonomi dan kehidupan Orang Asli sebagai agenda utama pembangunan masyarakat Orang Asli. Pengumuman belanjawan 2011 telah memperlihatkan kesan yang amat baik kepada pentadbiran masyarakat Orang Asli. Hal ini terbukti kerana usaha pembangunan dibuat secara inklusif untuk meningkatkan taraf sosioekonomi ke arah kesejahteraan masyarakat suku Orang Asli. Selaras dengan pembangunan tersebut, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah disusun semula dan telah diperkukuh dengan memberikan nafas baharu sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Orang Asli merupakan antara isu yang menjadi kepentingan dalam negara. Isu Orang Asli merupakan isu hak asasi manusia yang kian mendapat perhatian umum semenjak penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Walaupun Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan Pindaan 1974 telah menggariskan panduan bagi pembangunan dan kemajuan Orang Asli, namun sehingga kini masih terdapat beberapa isu yang masih membelenggu Orang Asli. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan untuk memastikan Orang Asli terus tidak ketinggalan. Pada tahun 2011, kerajaan telah memperkenalkan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015. Pelan ini diperkenalkan untuk merangka dasar pembangunan Orang Asli secara insklusif yang meliputi pembangunan modal insan, lonjakan ekonomi, prasarana, kualiti hidup, warisan dan pemantapan sitem perkhidmatan dan tadbir urus yang baik. Pelan ini bukan hanya menjadi usaha sebelah pihak sahaja, pelan ini turut mendorong masyarakat Orang Asli untuk sama-sama melakukan anjakan minda dan perubahan nilai hidup agar sama-sama terlibat dalam kehidupan arus perdana negara (Dewan Budaya: 2013).

Orang Asli sering terkait dengan kemunduran dan lambat dalam menerima perubahan. Hal ini berkait rapat dengan sikap dan keadaan hidup masyarakat Orang Asli itu sendiri yang kadang - kala menyekat segala perubahan yang sampai kepada mereka. Hal ini menyokong teori yang dinyatakan oleh tokoh sosiologi, Augusta Comte (1842) dalam Wan Muna Ruzana, (2009), terdapat pelbagai faktor yang menghalang terjadinya perubahan. Faktor-faktor inilah yang telah dialami oleh kebanyakan masyarakat Orang Asli di negara ini. Faktor-faktor yang menghalang terjadinya perubahan dalam kalangan masyarakat antaranya termasuklah,

- i- Kurangnya hubungan dengan masyarakat lain.
- ii- Perkembangan ilmu pengetahuan yang perlahan.
- iii- Sikap masyarakat yang terlalu tradisional.
- iv- Adanya kepentingan-kepentingan yang telah tertanam dengan kuat.
- v- Rasa takut akan terjadinya keruntuhan dalam integrasi kebudayaan.
- vi- Sikap prasangka terhadap perkara baharu dan mempunyai sikap yang tertutup.
- vii- Hambatan-hambatan yang bersifat ideologis.
- viii- Adat atau kebiasaan.
- ix- Nilai kepercayaan bahawa hidup ini pada hakikatnya buruk dan tidak dapat diperbaiki.

Perkara-perkara ini kadangkala melanda masyarakat Orang Asli, khususnya yang masih tinggal jauh di pedalaman. Hubungan mereka dengan dunia luar amat sedikit dan mereka lebih senang tinggal serta bergaul sesama mereka sahaja. Perkembangan ilmu pengetahuan yang perlahan dalam kalangan masyarakat mereka menyebabkan perubahan sosial dalam kalangan masyarakat lambat berlaku. Hal ini demikian kerana pendidikan merupakan tunjang dalam perubahan sesebuah masyarakat. Masyarakat Orang Asli hidup dalam lingkungan kehidupan yang penuh dengan kesederhanaan. Mereka lebih mementingkan kepada nilai hidup yang bersifat tradisional sehingga tidak mahu akan perubahan kepada kehidupan yang lebih maju dan moden. Mereka seakan-akan takut untuk berubah kerana disebabkan oleh kepercayaan dan kepentingan yang telah tertanam dengan begitu kukuh dalam diri anggota masyarakat. Tambahan pula kehidupan masyarakat Orang Asli memang dikelilingi dengan pelbagai unsur kebudayaan.

Kebudayaan merupakan salah satu unsur yang penting dalam kehidupan masyarakat Orang Asli dan mereka menanggapi perubahan akan membawa kepada kemusnahan dalam institusi kebudayaan mereka. Masyarakat Orang Asli terutamanya masyarakat Orang Asli daripada suku Che Wong mempunyai personaliti yang amat tertutup dan pemalu. Mereka mudah berasa prasangka terhadap perkara-perkara baharu yang datang dalam masyarakat mereka. Sikap mereka yang tertutup kadangkala mendatangkan masalah kepada pembangunan yang mencuba masuk dalam kalangan mereka. Hambatan-hambatan yang bersifat ideologis yang amat kuat dalam masyarakat ini menjadi penghalang kepada masyarakat Orang Asli untuk menerima perubahan kerana mereka lebih percaya kepada amalan ideologis yang sudah diamalkan sejak turun temurun.

Sudah diketahui bahawa adat merupakan tunggak dalam kehidupan masyarakat Orang Asli. Mereka sangat berpegang teguh kepada adat dalam menjalani kehidupan mereka. Hambatan-hambatan inilah yang menghalang kepada perubahan dalam masyarakat kerana bagi masyarakat Orang Asli, kebanyakan perkara baharu mahupun perubahan baharu itu melanggar adat dan kebiasaan dalam kehidupan mereka. Selain itu, masyarakat Orang Asli juga berpegang kepada nilai hidup yang percaya bahawa hidup ini pada hakikatnya buruk dan tidak dapat diperbaiki. Mereka hidup secara sederhana dan hanya bergantung pada alam sekitar untuk meneruskan kehidupan. Mereka seakan-akan percaya bahawa jika mereka ditakdirkan untuk hidup secara sederhana, mereka harus terus hidup secara sebegitu sepanjang hayat.

Walaupun masyarakat Orang Asli sering dikatakan ketinggalan dari segi teknologi dan ekonomi, namun yang pasti masyarakat Orang Asli kaya dengan seni, budaya, kepercayaan dan bahasa yang masih dikekalkan dari sejak turun temurun. Ciri-ciri ini tidak terjejas walaupun kecanggihan teknologi negara semakin maju. Kehidupan mereka lebih dekat dengan alam semula jadi tanpa bergantung dengan alatan teknologi yang sering menjadi rebutan masyarakat luar. Salah satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Orang Asli ialah bahasa. Bahasa melambangkan masyarakat dan jati diri mereka. Bahasa bagi setiap suku adalah berbeza dan bahasa juga merupakan salah satu ciri yang membezakan kelompok mereka.

Bahasa-bahasa Orang Asli terbahagi kepada 3 kelompok iaitu Semang, Sakai dan Jakun. Hunt (1952) telah memperincikan pembahagian bahasa ini kepada 4 kelompok, iaitu bahasa Negrito, bahasa Senoi, bahasa Jakun Semelai dan Orang Asli, serta dialek Melayu Asli. Namun menurut Benjamin (1976) hanya terdapat 3 kelompok bahasa Orang Asli, iaitu bahasa Asli Utara, Asli Tengah dan Asli Selatan. Bahasa Asli Utara dituturkan oleh suku kaum bangsa Negrito, bahasa Asli Tengah pula dituturkan oleh suku kaum Senoi, manakala bahasa Asli Selatan pula dituturkan oleh suku kaum Melayu Proto.

Bahasa dalam kalangan orang Asli dianggap sebagai penentu taraf kewarganegaraan seperti yang tercatat dalam Akta 134. Menurut Tuan Jah Tuan Yusof (2004) dalam tesisnya 'Indeks Kognitif: Analisis Leksikal Bahasa Melayu dan Bahasa Orang Asli', berdasarkan Akta 134, seseorang itu boleh dianggap sebagai orang Asli sekiranya orang berkenaan menggunakan bahasa seperti yang tercatat dalam Akta itu walaupun mereka menganut agama lain daripada datuk dan nenek mereka. Anak angkat juga dianggap sebagai orang Asli sekiranya anak itu bertutur dalam bahasa yang dituturkan oleh masyarakat berkenaan. Selain itu, jika orang Asli berkenaan memeluk agama lain dan tidak lagi mengamalkan kepercayaan orang Asli, namun mereka masih lagi kekal mengamalkan cara hidup sebagai orang Asli dan masih lagi bertutur menggunakan bahasa orang Asli, dia masih lagi dianggap sebagai orang Asli.



### 1.3 Suku Bangsa Senoi

Suku Che Wong tergolong dalam suku Senoi. Asal usul nama Senoi menurut pembantu pembangunan masyarakat Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di Gombak, berasal dari istilah 'Seng' iaitu orang dan 'Oi' yang bermaksud hutan. Hal ini berkaitan dengan latar tempat tinggal masyarakat ini yang tinggal dalam hutan dan mereka mengamalkan cara hidup yang primitif pada suatu ketika dahulu. Panggilan ini telah berubah disebabkan oleh pengaruh bahasa Melayu, dan panggilan itu telah bertukar menjadi 'senoi'. Masyarakat Senoi merupakan suku yang paling ramai berbanding dengan dua suku yang lain. Berdasarkan jumlah suku Senoi pada tahun 2000 ialah seramai 72,871 orang, pada tahun 2003 seramai 81,826 orang, tahun 2004 seramai 80,972 orang, dan mengikut senarai pada tahun 2012 pula mencatatkan jumlah 97,856 orang.

Masyarakat Senoi terdiri daripada 6 suku kaum iaitu Semai, Temiar, Jahut, Semoq Beri, Mahmeri dan Che Wong. Kebiasaanya suku Senoi mendiami beberapa kawasan di negeri Perak, Pahang, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Suku Che Wong boleh ditemui di kawasan sekitar Raub, manakala suku Semai boleh ditemui di daerah Batang Padang, Perak Tengah, Kinta, Kuala Kangsar, Hulu Perak, Lipis, Raub dan Cameron Highland. Bagi suku Semoq Beri, kawasan penempatan mereka meliputi kawasan Maran, Kuantan, Kemaman, Hulu Terengganu dan Besut. Suku Mahmeri pula boleh didapati di daerah Kuala Langat, Sepang dan Klang. Mereka mengamalkan cara hidup secara primitif dengan mengumpul hasil hutan dan memburu. Mereka juga percaya dengan kuasa mimpi yang dapat memberikan petanda kepada kesihatan dan kesejahteraan hidup mereka.

Suku Senoi yang terdiri daripada enam suku menggunakan bahasa Senoi, dan bahasa Senoi mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Menurut Hunt (1952) dalam Mohd Sharifudin Yusop (2007), bahasa Senoi utara dituturkan oleh orang Ple dan Temiar. Senoi tengah dituturkan oleh orang Semai-Senoi, manakala Senoi tenggara pula dituturkan oleh golongan Senoi di Pahang tengah. Besisu pula dituturkan oleh orang Melayu Asli dan orang Mahmeri.

### 1.4 Penyataan Masalah

Bahasa merupakan wadah paling utama dalam kegiatan manusia. Bahasa adalah sebahagian daripada jati diri bangsa yang dapat mencerminkan budaya sesebuah masyarakat tersebut. Oleh sebab itu, adalah amat malang jika sesuatu bangsa itu kehilangan bahasanya. Situasi ini menyebabkan kita tidak mahu ada kaum atau suku etnik yang kehilangan jati diri mereka, terutamanya dari sudut bahasa etnik mereka sendiri. Bahasa sesuatu etnik atau suku kaum itu sangat penting dalam pembinaan dan pembangunan budaya nasional.

Bahasa etnik merupakan khazanah negara dan bahasa warisan yang seharusnya dipelihara, dituturkan, dikembangkan dan dimartabatkan. Mengikut Asmah Hj. Omar (2008), pemeliharaan bahasa (*language maintenance*) adalah gejala yang paling

penting dalam pengekalannya kedudukan sesuatu bahasa dalam masyarakat. Jika sesuatu bahasa atau dialek itu terus digunakan oleh masyarakat penuturnya, maka bahasa tersebut akan tetap berkekalan sebagai sistem pertuturan dalam masyarakat bahasa tersebut. Situasi ini juga sama dengan bahasa Che Wong. Hal ini demikian kerana tanpa pemeliharaan yang sewajarnya bahasa orang asli ini akan hilang begitu sahaja.

Menurut David Crystal (2002), setiap dua minggu bahasa orang Asli atau peribumi akan pupus. Keadaan ini menyebabkan 5500-6000 bahasa yang digunakan sekarang akan bergabung dengan bahasa Latin dan Yunani sebagai bahasa yang mati. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa keadaan bahasa masyarakat orang Asli amat membimbangkan. Perubahan kecenderungan pada akhir abad ke-20 ini memperlihatkan perlunya pengkajian yang lebih mendalam terhadap kepupusan bahasa ini dan perlu diberi perhatian. Perkara yang sama telah dilakukan oleh pengkaji Mohd Sharifudin Yusop (2007) yang menggunakan istilah keusangan bahasa untuk membincangkan mengenai kepupusan dan kematian bahasa, khususnya bahasa orang Asli Duano dan Kanaq. Menurut Mohd Sharifudin Yusop (2007) juga, bahasa Che Wong merupakan salah satu bahasa minoriti di Malaysia yang tergolong sebagai terancam kerana bilangan penutur bahasa tersebut adalah kurang daripada 1,000 orang. Jika dilihat dari segi jumlah penutur orang asli ini, tidak mustahil jika suatu hari nanti bahasa suku ini akan pupus.

Menurut Teo Kok Seong juga (2008), dunia globalisasi hari ini adalah salah satu penyebab kemusnahan bahasa. Hal ini demikian kerana antara kesan dunia globalisasi yang paling teruk ialah kemusnahan yang akan berlaku pada budaya yang turut merangkumi bahasa di dalamnya. Dunia globalisasi kini akan menyebabkan kadar kemusnahan dan kepupusan bahasa yang lebih cepat berbanding dengan sebelum dunia globalisasi, yang dikatakan bermula pada sekitar tahun 1989, iaitu setelah tamatnya Perang Dingin. Menurut Teo Kok Seong lagi, kebiasaannya bahasa yang mengalami kemusnahan didapati akan pupus antara dua hingga empat generasi atau antara 50 hingga 100 tahun. Namun, dunia globalisasi kini menyebabkan tahap kepupusan berlaku dalam tahap yang lebih menakutkan. Bahasa boleh musnah dalam tempoh satu hingga dua generasi sahaja iaitu antara 25 hingga 50 tahun.

Hal ini bermaksud globalisasi telah memberikan kesan kepada bahasa-bahasa kecil, atau dipanggil sebagai *minor languages* ini. Gejala kepupusan bahasa, terutamanya bahasa-bahasa kecil itu mulai pupus dalam satu generasi sahaja. Maksudnya, bahasa-bahasa kecil ini tidak dapat diwarisi oleh generasi muda. Sebaliknya bahasa-bahasa kecil ini kelihatannya sudah diabaikan aspek penggunaannya dan lama-kelamaan bahasa ini akan hilang dimamah zaman. Walaupun negara Malaysia sudah melalui pelbagai kemajuan, namun kekosongan seolah-olah berlaku dalam bidang kajian dialek. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh pengaruh kolonial yang lebih mementingkan bahasa asing dan mengabaikan penelitian dialek-dialek lain di Malaysia. Situasi ini tidak mustahil berlaku kepada bahasa orang asli Che Wong yang mungkin akan mengalami kemusnahan disebabkan oleh dunia globalisasi hari ini.

Generasi kini dilihat semakin melupakan bahasa suku etnik mereka apabila mereka dilihat lebih suka berkomunikasi atau dilihat jarang menggunakan bahasa suku etnik

mereka dalam perbualan seharian. Mereka mungkin lebih suka menggunakan bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Hal ini demikian kerana mereka lebih terdedah dengan dunia luar dan bergaul dengan masyarakat luar daripada suku etnik mereka. Kecenderungan seperti ini merupakan sebahagian daripada tanda-tanda kepupusan bahasa suku etnik. Sikap dan perbuatan penutur terhadap bahasa juga memainkan peranan penting dalam melestarikan bahasa natif mereka. Hal ini demikian kerana sikap berkait rapat dengan jati diri yang akan membawa perubahan bahasa kepada ke arah positif ataupun negatif.

Menurut Alexis de Tocqueville dalam majalah *Dewan Bahasa* (Ogos, 2013), ikatan bahasa mungkin merupakan ikatan yang paling teguh dan paling tahan lama yang dapat menyatukan manusia. Ini jelas menunjukkan bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai wahana budaya sesebuah negara, malahan bahasa juga merupakan salah satu faktor penyatuan manusia. Runtuhnya atau pupusnya sesuatu bahasa, maka ada bangsa yang akan turut sama lenyap bersama-sama dengan bahasa tersebut. Situasi ini sinonim dengan bahasa minoriti Orang Asli yang kini berada di ambang kepupusan dan mungkin akan terus lenyap jika tidak ada sebarang kajian mahupun tindakan yang dilakukan. Hal ini secara tidak langsung dapat memastikan kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus ditelan zaman dan tidak terus terpinggirkan daripada masyarakat luar. Hal ini demikian kerana bahasa merupakan khazanah yang harus dilestarikan agar tidak lupus ditelan peredaran masa.

Hal ini juga kerana kajian mengenai bahasa suku Che Wong masih lagi kurang dalam kalangan pengkaji dan maklumat mengenai bahasa suku ini juga kurang berbanding suku-suku yang lain. Kajian perlu dilakukan terhadap bahasa suku ini kerana kekhuatiran pupusnya bahasa suku ini suatu hari nanti. Berdasarkan kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji seperti Abdullah Hassan, Mohd Sharifudin Yusop dan David Crystal memperlihatkan penggunaan bahasa suku minoriti yang semakin pupus seperti yang dialami oleh bahasa suku Che Wong di Kuala Gandah. Oleh itu, lompang-lompang kajian mengenai bahasa suku Che Wong ini mendorong pengkaji melakukan kajian mengenai bahasa suku Che Wong di Kuala Gandah. Bertitik tolak daripada penyataan masalah, dapat dikenal pasti persoalan kajian yang terdapat dalam kajian.

- i- Sejauh manakah bahasa suku Che Wong digunakan dalam kalangan anggota masyarakatnya di Kuala Gandah?
- ii- Sejauh manakah bahasa suku Che Wong digunakan berbanding dengan bahasa Melayu dalam kalangan anggota masyarakat suku Che Wong?
- iii. Apakah penggunaan bahasa Che Wong di Kuala Gandah masih lestari?



## 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i- Mengetahui penggunaan bahasa suku Che Wong dalam kalangan anggota masyarakatnya di Kuala Gandah.
- ii- Membandingkan penggunaan bahasa suku Che Wong dengan bahasa Melayu dalam kalangan anggota masyarakat Che Wong di Kuala Gandah.
- iii- Menghuraikan kelestarian penggunaan bahasa Suku Che Wong di Kuala Gandah.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Bahasa merupakan wahana yang sangat penting dalam mengidentitikan sesuatu bangsa atau masyarakat. Oleh itu, kajian ini diharap dapat dijadikan rujukan kepada semua penyelidik dan masyarakat umum mengenai bahasa Che Wong. Hasil kajian mengenai bahasa Che Wong boleh digunakan oleh agensi kerajaan, misalnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) untuk mengukuhkan lagi bahasa orang Asli dan sekali gus dapat melestarikan bahasa orang Asli supaya bahasa-bahasa tersebut tidak mati begitu sahaja tanpa sebarang kajian mahupun penerokaan yang lebih mendalam. Bahasa kaum minoriti Che Wong mempunyai nilai tersendiri dalam memperkaya sumber dialek serumpun kerana mungkin bahasa ini lebih tua daripada bahasa Melayu klasik. Oleh itu, kajian bahasa ini akan dapat dijadikan panduan untuk memelihara bahasa kaum minoriti ini. Menurut Asmah Haji Omar (1985):

*Boleh jadi juga dialek-dialek itu lebih tua dari bahasa Melayu klasik yang terdapat dalam hikayat-hikayat.*

Hal ini bermakna, kemungkinan bahasa suku minoriti ini lebih lama bertapak berbanding dengan bahasa Melayu itu sendiri, dan bahasa suku minoriti akan menjadi suatu khazanah yang tinggi nilainya kepada negara. Kajian ini diharap dapat menambah koleksi daftar kata Orang Asli yang terdapat di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, dan pihak jabatan ini juga dapat menyampaikan maklumat yang berkenaan kepada orang ramai dan seterusnya menjadikan bahasa suku Che Wong lebih dikenali dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Kajian mengenai bahasa suku Che Wong ini juga dapat membantu pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam aspek bahasa dan budaya.

Kajian ini juga diharap berguna kepada pengkaji-pengkaji seterusnya yang berminat untuk mengkaji dan mengetahui akan bahasa Orang Asli. Hasil kajian ini juga penting kerana sedikit sebanyak dapat dijadikan panduan kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin mengetahui akan bahasa Orang Asli Che Wong. Hal ini demikian kerana bahasa merupakan khazanah bangsa yang harus dipelihara, terutamanya bahasa suku minoriti seperti bahasa Orang Asli kerana ramai masyarakat di luar sana yang masih kabur

mengenai bahasa suku masyarakat ini. Bahasa-bahasa ini perlu diperkembangkan penyebaran dan fungsinya dalam masyarakat. Mohd Sharifudin dan Wan Khairulhusna (2011) menyatakan bahawa Orang Asli harus diapresiasi oleh masyarakat massa kerana Orang Asli merupakan salah satu daripada suku kaum di Malaysia yang banyak mencorakkan citra negara ini dari sudut warisan silam yang semakin sirna daripada kaca mata sejarah.

Kajian ini juga dapat menyumbang kepada kelestarian bahasa Orang Asli Che Wong. Pelestarian bahasa sangat penting dan berkait rapat dengan pelestarian budaya. Matisoff yang dipetik dari Gibbs (2002) mengatakan;

*“ Languages is the most important element in the culture of a community. When it dies, you lose the special knowledge of the culture and a unique window of the world.”*

Maknanya, bahasa merupakan perkara yang penting dalam kebudayaan sesebuah masyarakat dan apabila bahasa itu mati, maka kebudayaan dan keunikan sesuatu bangsa di dunia juga akan hilang. Oleh itu kajian mengenai bahasa suku Che Wong ini diharap dapat menjadi salah satu elemen kepada kelestarian bahasa minoriti yang semakin pupus ini agar kebudayaan dan keunikan bahasa suku minoriti ini tidak luput ditelan masa begitu sahaja.

Hasil kajian ini bukan hanya untuk golongan pengkaji bahasa, malah hasil kajian ini juga penting kepada masyarakat umum, khususnya golongan muda kerana golongan mudalah yang akan menerajui segala khazanah negara pada suatu hari nanti. Selain itu, masyarakat umum juga dapat mengetahui dengan lebih lanjut mengenai asal-usul, kebudayaan, kepercayaan dan sosiobudaya yang dihasilkan melalui bahasa mereka. Hal ini demikian kerana bahasa suku minoriti Che Wong adalah berbeza berbanding dengan bahasa Melayu yang digunakan dalam kalangan masyarakat di negara ini. Kajian ini diharapkan dapat menjadi batu loncatan dalam memperkenalkan bahasa minoriti ini kepada masyarakat luar.

Kajian ini juga diharap dapat menjadi pemangkin kepada penerusan kajian-kajian lain seterusnya oleh generasi akan datang. Penyelidikan ini juga diharapkan dapat membuka ruang kepada golongan yang cinta akan bahasa dan budaya agar mendalami bahasa-bahasa minoriti yang semakin menghilang pada pandangan masyarakat umum. Selain itu kajian ini juga diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada golongan masyarakat yang cinta akan warisan negara yang penuh dengan kepelbagaian kebudayaan etnik, dengan mengkaji setiap aspek yang ada dalam setiap etnik di negara ini. Pemuliharaan bahasa dan budaya amat penting bagi menyatakan jati diri sesebuah masyarakat kepada masyarakat luar. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa masyarakat Orang Asli juga mempunyai warisan dan budaya mereka seperti masyarakat yang lain.

Kajian ini juga penting kepada organisasi dan institusi penyelidikan bahasa. Hal ini demikian kerana kajian ini sedikit sebanyak dapat dijadikan panduan bahasa etnik orang asli kepada masyarakat mahu pun pengkaji lain. Selain itu hasil kajian kosa kata bahasa suku Che Wong ini dapat dijadikan panduan bahasa untuk tujuan penyelidikan bahasa orang asli.

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya berfokus kepada bahasa masyarakat orang Asli suku Che Wong dari suku Senoi. Kajian ini dijalankan di daerah Kuala Gandah, Pahang. Suku kaum minoriti Che Wong sebahagian besarnya terdapat di kawasan daerah Kuala Gandah, Pahang merupakan antara suku minoriti Orang Asli yang terkecil di Malaysia. Selain itu kajian ini juga akan menumpukan kepada hubungan antara bahasa suku ini dengan bahasa Melayu, dan khusus kepada tahap penggunaan bahasa suku Che Wong dalam kalangan masyarakat Che Wong itu sendiri.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **1.8.1 Penggunaan bahasa suku Che Wong**

Bahasa Che Wong merupakan bahasa yang dituturkan oleh salah satu suku bangsa orang asli di Malaysia. Penggunaan bahasa suku Che Wong masih lagi relevan dalam kalangan penduduk penuturnya iaitu golongan suku orang asli Che Wong dari suku Senoi. Suku Che Wong adalah salah satu suku minoriti di Malaysia, yang terdapat di Pahang. Bahasa Che Wong dikelompokkan ke dalam kelompok North Aslian, cabang dari bahasa Austro-Asiatik. Bahasa ini dituturkan hampir 600 orang masyarakat orang asli Che Wong di Pahang. Bahasa Che Wong merupakan salah satu alat komunikasi yang amat penting dalam masyarakat orang Asli Che Wong untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Bahasa minoriti ini juga merupakan salah satu elemen kebudayaan yang dapat menggambarkan masyarakat minoriti ini kerana bahasa dapat mencerminkan jati diri bangsa. Penggunaan bahasa Che Wong digunakan secara meluas dalam kalangan penduduk suku ini meliputi pelbagai aspek dalam kehidupan mereka. Setiap suku orang asli mempunyai bahasa yang berlainan yang akan mewakili identiti suku mereka. Bahasa Che Wong merupakan identiti bangsa Che Wong yang membezakan mereka dengan suku orang asli yang lain.

### **1.8.2 Orang asli**

Orang Asli merupakan penghuni awal Semenanjung Tanah Melayu dan kini dikenali sebagai warga peribumi Malaysia. Peruntukan dalam Akta Orang Asli 1954 menunjukkan bahawa istilah Orang Asli hanya digunakan bagi menjelaskan status penduduk asal di Semenanjung Tanah Melayu, manakala kaum-kaum asal yang lain di

Sabah dan Sarawak serta orang Melayu di Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera.

Penempatan mereka boleh ditemui di seluruh Semenanjung Tanah Melayu kecuali negeri Perlis dan Pulau Pinang. Di Semenanjung Malaysia, orang Asli merupakan etnik peribumi yang mendiami kawasan pedalaman, hulu sungai, pinggir hutan, dalam hutan dan persisiran pantai. Ritah Yahaya (2006), memberikan beberapa maksud orang Asli dalam dialek Temiar, iaitu Senoi Beg; dalam dialek Semai pula dikenali sebagai Sengoi Asli, dalam dialek Jakun ialah Urang Asli, dan dalam dialek Temuan pula ialah Orang Asal.

Iskandar Carey (1976) mengatakan bahawa orang Asli berasal daripada perkataan Inggeris *aborigines* yang bermaksud mundur, tidak membangun, dan primitif. Menurut beliau lagi, pada awal pemerintahan British, orang asli dikenali sebagai Sakai. Perkataan ini membawa makna yang negatif. Menurut *kamus Dewan* (2005), sakai mempunyai tiga pengertian iaitu pertama, hamba atau orang suruhan, kedua, nama untuk satu kaum daripada orang Asli Senoi dan ketiga, nama yang diberikan untuk orang Asli secara keseluruhan. Oleh sebab itu, istilah Sakai tidak lagi digunakan bagi mewakili orang Asli.

Menurut Ritah Yahya (2006), istilah orang Asli telah diperkenalkan oleh Datuk Anthony Ratos pada tahun 1952 berdasarkan kajian ilmiah beliau mengenai orang Asli yang dikemukakan kepada *Kirkby Teacher's College di Liverpool, United Kingdom*. Sebelum istilah orang Asli diperkenalkan dan diterima pakai oleh pengkaji dan penyelidik, terdapat pelbagai gelaran dan istilah negatif bagi menggambarkan masyarakat orang Asli tersebut, antaranya termasuklah Orang Liar, Orang Hutan, Orang Laut, Orang bukit dan Orang Sakai.

Menurut Colin, Nicholas (1997),

*The Orang Asli are the indigenous minority peoples of Peninsular Malaysia. The name is a Malay term which transliterates as 'original people' or 'first people'*

Orang Asli merupakan penduduk minoriti di Semenanjung Malaysia. Dalam terjemahan bahasa Melayu perkataan orang Asli membawa maksud penduduk asal atau penduduk pertama.

Menurut Nik Hassan Suhaimi (2004) dalam Mohd Sharifudin Yusop (2007), Orang Asli dan orang Melayu mempunyai kesamaan genetik kerana dua kelompok masyarakat ini berasal daripada nenek moyang yang sama. Hal ini menyokong pandangan Benjamin (1987) dalam Mohd Sharifudin Yusop (2007) yang menyatakan bahawa:

*Given that the Malay and the most of Orang Asli are now both generally recognised as falling within the same southern mongoloid division of mankind it would seem not, here is no need to invoke the idea of separate migrational origins between the Malays and the Orang Asli or between the one Orang Asli group and another, except that is when there is positive independent evidence that such migrational histories have indeed been responsible for certain of the differences.*

Menurut Benjamin lagi, penduduk asal Tanah Melayu ialah orang yang berbahasa Melayu dan berbahasa asli. Namun terdapat perbezaan antara keduanya kerana faktor pengaruh dari luar. Bahasa Orang Asli khususnya yang berada di utara lebih terarah kepada Austro-Asiatik, manakala bahasa orang Melayu lebih kepada bahasa Austronesia. Perbezaan dan perubahan dialek antara kedua bahasa itu mungkin terjadi kerana hubungan antara masyarakat di rantau Melayu yang merangkumi Malagasi, kepulauan Pasifik dan Asia Tenggara. Perubahan ini bukannya terjadi disebabkan oleh faktor migrasi dan hal ini jelas menunjukkan bahawa wujudnya pertalian darah antara Orang Asli dengan Orang Melayu.

Masyarakat orang Asli biasanya bersinonim dengan suasana hutan, petani, laut, haiwan dan sebagainya, yang bersangkutan paut dengan cara dan gaya kehidupan tradisional, iaitu tidak gemar bercampur atau bergaul dengan masyarakat lain selain kaumnya sahaja. Suasana kehidupan orang Asli juga dikaitkan dengan cara hidup primitif, berpegang teguh kepada roh nenek moyang, adat resam dan budaya, serta kebudayaan mereka adalah animisme.

Bersumberkan Jaringan Orang Asli Se-Malaysia (2008), terdapat kategori rumpun bangsa dan suku kaum orang Asli seperti yang dipaparkan dalam jadual yang berikut:

**Jadual 1.5 : Kategori Rumpun Bangsa Dan Suku Kaum Orang Asli**

Suku Bangsa	Suku Kaum	Lokasi Petempatan
Negrito	Kintak Kensiu Jahai Mendriq Bateq Lanoh	Kedah, Perak, Kelantan, Pahang. Juga terdapat di Selatan Thailand

Senoi	Temiar Semai Che Wong Jahut Semoq Beri Mahmeri	Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu
Melayu Proto	Temuan Semelai Jakun Orang Kanaq Orang Seletar Orang Kuala	Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang

Sumber: Jaringan Orang Asli Se-Malaysia (JOAS) 2008

Menurut Ramlee Abdullah (1993), masyarakat Orang Asli adalah sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang tersebar ke seluruh Semenanjung Malaysia, kecuali di Perlis dan Pulau Pinang. Hal ini demikian kerana kelompok Negrito mendiami kawasan utara dan juga tengah Semenanjung Malaysia, manakala kelompok Senoi mendiami kawasan utara, pantai timur dan tengah Semenanjung Malaysia (JHEOA 2008). Kelompok Melayu Proto terdapat di kawasan pantai barat dan selatan dan juga tengah Semenanjung Malaysia. Kelompok Negrito merupakan kelompok masyarakat Orang Asli yang paling sedikit berbanding kelompok yang lain. Kelompok Senoi merupakan kelompok Orang Asli yang paling ramai jumlah masyarakatnya. Jika dilihat dari sudut penggunaan bahasa, kelompok Senoi dan Negrito termasuk dalam rumpun Austroasia, manakala kelompok Melayu Proto pula sama seperti bahasa Melayu yang tergolong dalam rumpun Austronesia.

Orang Asli dapat didefinisikan berdasarkan beberapa syarat yang telah digariskan oleh Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah Aboriginal Peoples Ordinance No.3 1054 yang telah dipinta pada tahun 1974. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli dapat ditakrifkan seperti yang berikut:

- i) Mana-mana orang yang bapanya adalah dari rumpun bangsa Orang Asli yang bercakap dalam bahasa Orang Asli yang lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan. Ini termasuklah keturunan Orang Asli itu; mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan adalah seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.
- ii) Anak dari apa-apa persatuan antara seseorang perempuan Orang Asli dengan seseorang lelaki dari kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli yang adat dan kepercayaan



- Orang Asli yang masih lagi menjadi seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.
- iii) Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli kerana ia telah masuk sesuatu agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, ia masih mengikut cara hidup Orang Asli serta bercakap dalam bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi seseorang Orang Asli semata-mata oleh sebab ia mungkin mengamalkan agama itu.
  - iv) Apa-apa soal sama ada seseorang adalah Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

Unsur-unsur mitos dan misteri sering kali dikaitkan dengan masyarakat Orang Asli. Aspek magis dan ritual juga sering menyelubungi kehidupan mereka. Hal ini menjadikan mereka dianggap primitif pada pandangan masyarakat luar yang kurang memahami kehidupan mereka. Aspek budaya merupakan salah satu tunjang kehidupan masyarakat Orang Asli. Bagi masyarakat ini, kebudayaan merupakan panduan dalam kehidupan mereka kerana dalam kebudayaan itulah terdapatnya undang-undang, adat resam, ilmu, kepercayaan, seni, malah kebudayaan dijadikan panduan untuk merujuk mengenai segala macam soal kehidupan. Hal inilah yang membezakan masyarakat Orang Asli berbeza dengan masyarakat yang lain. Malah mereka boleh dikatakan unik dan istimewa berbanding masyarakat lain. Orang Asli juga sangat mempercayai unsur-unsur alam. Mereka sangat mempercayai perkara-perkara ghaib.

Orang Asli berpegang kuat kepada sistem kepercayaan. Mereka juga amat mempercayai kepada peranan dewa-dewa, keramat, roh dan sebagainya. Kehidupan mereka lebih berpandukan kepada keadaan fizikal alam sekitar dan kawasan kediaman mereka. Oleh itu, tidak hairanlah jika hutan, gunung, bukit, petir dan segala kejadian alam di sekeliling mereka akan menjadi penunjuk makna yang tersendiri bagi kosmologi masyarakat minoriti ini. Hal ini menyebabkan perlakuan dan kegiatan ritual serta pantang larang dalam kehidupan mereka berdasarkan semata-mata kepada kepercayaan mereka.

Orang Asli mementingkan sistem puak dalam organisasi masyarakat mereka. Sistem organisasi dan struktur sosial masyarakat Orang Asli diketuai oleh seorang ketua yang dipanggil 'Batin'. Batin akan bertanggungjawab menjaga dan mengawal ketenteraman puaknya. Batin juga akan menjadi penghubung masyarakat kepada dunia luar. Beliau berkuasa untuk menentukan dan menetapkan peraturan yang berkaitan dengan puak. Sebarang perkara berkaitan dengan peraturan dan hukuman terletak di bawah kuasa Batin dan beliau berhak menjatuhkan hukuman terhadap kesalahan yang dilakukan oleh ahli-ahli puaknya. Komuniti Orang asli sangat berpegang teguh kepada pengantara agama atau lebih dikenali sebagai bomoh. Bomoh dalam komuniti akan berperanan dalam menentukan segala aspek ritual dalam penyaluran kepercayaan mereka.

Masyarakat orang Asli kebiasaannya bekerja pada waktu siang hari dan pekerjaan mereka lebih tertumpu kepada pekerjaan seperti berladang, mencari dan menjual barang, menangkap ikan, memburu dan sebagainya. Namun pekerjaan mereka lebih berkait rapat dengan alam sekitar mereka. Waktu-waktu seperti petang dan malam adalah untuk berehat dan bersuka ria. Mereka gemar dalam kumpulan mereka dan

gemar berbual-bual atau mendengar kisah-kisah lama. Kadangkala masa begini digunakan untuk menuntut ilmu atau jampi serapah.

Kebiasaannya dalam masyarakat Orang Asli terdapat tiga faktor yang penting iaitu soal kelahiran, perkahwinan dan kematian. Tiga perkara ini sering ditandai dengan pelbagai upacara adat istiadat dan pantang larang. Orang Asli percaya bahawa jika bayi yang baharu dilahirkan itu dipuji, maka hantu-hantu yang berdekatan akan mendengar pujian itu dan bertindak mengambil bayi tersebut. Keadaan ini sering ditandai apabila bayi itu sakit, demam atau sebagainya. Ibu yang mengandung juga harus mematuhi pelbagai pantang larang. Pantang larang juga harus dipatuhi oleh si suami agar kandungan si isteri tidak terjejas. Adat istiadat dalam perkahwinan adalah berbeza antara suku-suku yang lain juga. Setiap suku orang Asli di Malaysia mempunyai adat istiadat dan pantang larang yang tersendiri dalam perkahwinan. Hal ini berkaitan dengan kepercayaan yang mereka anuti, yang berkaitan dengan kepercayaan kepada dewa-dewa dalam masyarakat mereka. Apabila berlaku kematian dalam masyarakat Orang Asli, kerja-kerja seharian akan dihentikan. Hal ini demikian kerana mengikut kepercayaan mereka, jika ada yang masih meneruskan pekerjaannya walaupun sudah mengetahui ada kematian, dikhuatiri mereka akan ditimpa kejadian buruk dan mungkin juga akan jatuh sakit.

### **1.8.3 Orang Asli Che Wong**

Orang Asli Che Wong tinggal di kawasan pinggir di daerah Raub dan Temerloh, Pahang. Menurut penduduk Orang Asli Che Wong di Kuala Gandah, Pahang juga terdapat penempatan suku tersebut di tempat lain, antaranya di Sungai Beranti, Lata Tujuh, Bayek dan Sungai Enggang. Orang Asli Che Wong merupakan salah satu suku kaum Orang Asli yang tergolong dalam kumpulan Orang Asli Senoi. Satu ketika dahulu Orang Che Wong suka berpindah randah mencari tempat yang sesuai untuk mendapatkan bahan-bahan makanan. Semenjak Kerajaan memberikan penumpuan untuk kesejahteraan rakyat kini, orang Asli Che Wong turut mempunyai kampung halaman mereka dan telah mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum.

Suku Chewong atau Che Wong, ialah suku asli di Pahang, Suku Asli bermaksud suku penghuni pertama daratan Semenanjung Malaysia, iaitu sebelum hadirnya orang-orang Melayu di Semenanjung Malaysia. Suku Che Wong adalah salah satu suku minoriti di Malaysia, yang terkecil jumlahnya dan antara yang hidup di hutan, iaitu di hutan simpan Krau di Pahang. Bahasa Chewong ialah bahasa Austro-Asiatik, yang dikelompokkan ke dalam kelompok *Northern Aslian*.

Suku Che Wong memang terkenal dengan cerita asal usul yang unik. Terdapat dua cerita yang diturunkan dari mulut ke mulut kepada setiap generasi, namun cerita ini semakin hari semakin menghilang daripada ingatan kerana tidak lagi diminati generasi muda. Kedua-dua kisah lisan itu mempunyai jalan cerita yang berbeza, tetapi tetap



disepakati bersama tentang asal usul mereka. Mereka percaya bahawa asal usul mereka mempunyai susur galur daripada keturunan raja.

Asal usul pertama menyatakan bahawa suku Che Wong pernah memiliki Raja dan kerajaan di Semenanjung Malaysia dan mereka percaya bahawa kerajaan beraja berkenaan mempunyai sistem politik yang baik. Ketika itu Raja berkuasa dalam kalangan Orang Asli suku Che Wong dan Raja berkenaan dikenali sebagai Raja Pinang. Asal usul kedua pula mengisahkan bahawa Raja mereka berasal dari Siam yang bernama Che. Hal ini dikaitkan dengan bahasa suku Che Wong yang dikatakan mirip dengan bahasa Siam, dan bahasa Che Wong mempunyai persamaan dengan bahasa Siam. Hal ini demikian kerana bahasa Che Wong mempunyai dua dialek yang berbeza, iaitu bahasa asli Che Wong dan bahasa pasar yang mirip dengan bahasa Semelai. Bahasa Chewong, termasuk dalam rumpun bahasa Austro-Asiatik, cabang daripada rumpun bahasa Mon-Khmer.

Orang Asli Che Wong kini tinggal berdekatan dengan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan Kuala Gandah, Pahang. Pusat ini menjadi pusat yang menguruskan penjagaan gajah di Semenanjung Malaysia dan pusat ini menjadi pusat ekopelancongan yang berasaskan gajah. Perkampungan Orang Asli Che Wong secara tidak langsung menjadi pusat kunjungan pelancong yang melawat Kuala Gandah. Kebanyakan penduduk Orang Asli Che Wong tinggal di rumah yang disediakan oleh pihak kerajaan, namun rumah tradisional mereka tidak dirobohkan, malah dikekalkan yang terletak berdekatan dengan rumah baharu yang disediakan oleh pihak kerajaan. Hal ini demikian kerana menurut mereka rumah tradisional atau rumah asal mereka lebih sejuk berbanding dengan rumah batu yang disediakan. Rumah tradisional diperbuat daripada buluh, rotan dan kayu. Kebiasaannya dalam satu rumah terdapat lebih daripada satu keluarga. Masyarakat Orang Asli Che Wong, seperti kebanyakan Orang Asli yang lain mengusahakan kraftangan daripada hasil hutan dan dijual di pusat kraftangan yang berhampiran dengan kediaman mereka. Kebiasaannya hasil kraftangan mereka menjadi tumpuan para pelancong yang mengunjungi Kuala Gandah.

Salah satu sifat semula jadi masyarakat Che Wong ialah sifat pemalu yang menebal dalam diri mereka. Mereka amat malu dan tertutup kepada masyarakat luar, walaupun perkampungan mereka merupakan pusat pelancongan yang menjadi tumpuan para pelancong yang melawat Pusat pemeliharaan gajah. Golongan wanita dan kanak-kanak sangat pemalu dan sering mengelak daripada bertemu dengan masyarakat luar berbanding dengan golongan lelaki. Mereka yang ingin mengunjungi perkampungan masyarakat Orang Asli Che Wong, pengunjung harus menjaga tingkah laku agar tidak melanggar adat dan pantang larang masyarakat Che Wong. Pengunjung juga dinasihatkan agar mendapatkan bantuan daripada masyarakat tempatan untuk memudahkan urusan dengan masyarakat Che Wong. Hal ini demikian kerana masyarakat Che Wong menganggap masyarakat luar sebagai ancaman dan mendatangkan bahaya kepada mereka. Namun, ada juga sesetengah anggota masyarakat Che Wong mempunyai perasaan malu dan takut terhadap masyarakat luar kerana pada pandangan kehidupan mereka jauh lebih terbelakang berbanding dengan masyarakat luar.

#### 1.8.4 Kuala Gandah

Kuala Gandah merupakan salah satu daerah yang terdapat di Pahang. Ia terletak di daerah Lanchang Pahang (Koordinat: 3° 35'34.4 "N dan 102° 08'37.7" E) .Kuala Gandah terkenal dengan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan. Selain pusat tersebut, Kuala Gandah juga menjadi salah satu simbol penempatan orang Asli Che Wong. Perkampungan suku Che Wong terletak berhampiran dengan kawasan pusat tersebut. Perkampungan suku orang asli Che Wong dan Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan boleh dikatakan berada dalam satu kawasan yang sama. Kedua-dua kawasan ini hanya dipisahkan oleh Sungai Teris yang bertindak sebagai sempadan antara dua kawasan. Nama Kuala Gandah itu sendiri adalah berasal daripada terusan tersebut.



## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan (1969). *Satu Kajian Fonologi-Morfologi Bahasa Orang-orang Melayu Asli Dialek Temuan*
- Abdul Hamid Mahmood (1989). *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran. (2005). “*Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Optimaliti*”. Tesis PHD, Institut Tamadun dan Alam Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2001). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1985). Asmah Haji Omar. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar (1984). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2009). *Mencari Makna Diri Melayu: Renungan untuk Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atan Long (1980). *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Awang Mohd. Amin (1982). *Satu Kajian Kesalahan Umum Penggunaan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (1983). *Kesalahan Umum Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Awang Sariyan (2000). *Warna Dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Wan Chik (1982). *Trend-trend Baru Dalam Bidang Pendidikan Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Benjamin, G. (1976). *Austroasiatic subgroupings and prehistory in the Malay Peninsula*. Honolulu: The University Press of Hawaii.
- Che Radiah Mezah. (2006). “*Analisis Kesilapan Dalam Karangan Bahasa Arab*”. Tesis Master, Universiti Malaya.

- Creswell, J.W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (2nd ed.)*. Upper Saddle River, N.J.: Pearson Merrill Prentice Hall. Pearson Education.
- Crystal, D. (2002). *Mengapakah Bahasa Mati?* (Azizah Md.Hussin, Penterjemah). Jurnal Bahasa.
- Collins J, T. (1985). *Dialek Melayu di kampung Landai Pahang: Menuju penelitian tatabahasa Melayu di kalangan orang Asli*. Jurnal Dewan Bahasa, 29, 476-493.
- Carey Iskandar. (1976). *Orang Asli: The Aborigines Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur & New York: Oxford University Press.
- David Crystal. (2002). *Language Death*. Cambridge University Press.
- Dorian, N.C. (1981). *Language Death: The Life Cycle of a Scottish Gaelic Dialect*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Dewan Bahasa, Ogos .(2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Budaya. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Frank Parker (penterjemah Raja Rahawani Raja Mamat) .(1994). *Linguistik Untuk Bukan Ahli Linguistik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gibbs, R. (2002). *A new look at literal meaning in understanding what is said and implicated*. Journal Pragmatik.
- Grimes, Barbara. (2002). *Global Language Viability*. Jakarta: Kanisius.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu : Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad Ke-21*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Hartman dan Stork.(1973). *Dictionary of Language and Linguistics*. London: University Press.
- Hunt. P.D.R. Williams. (1952). *An Introduction To The Malayan Oborigines*. Kuala Lumpur: Goverment Press.
- Hymes, Dell. (1971). *Foundation In Sociolinguistics*. London: Longman.
- Ismail Dahaman (1989). *Kesalahan Umum Ejaan Rumi Dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.77.
- JHEOA. (2012). *Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- JHEOA. (2008). *Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli*. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia.
- Juriah Long et. al. (1994). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Khairul Hisyam Kamarudin & Ibrahim Ngah.(2007).*Pembangunan mapan Orang Asli*. Skudai, Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat.(2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Hj. Husin (2001). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Kuala Lumpur: kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- KPM. (1998). *Budaya, Pantang Larang dan Amalan Kesihatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lamsir Asib. (2011). *Faktor Sociolinguistik dan Hubungannya dengan Pemupusan Bahasa Bajau-Samah di Daerah Kota Belud Sabah*. Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Lyons Jhon.(1993). *Bahasa Theoretis*. Trj. Abdullah Hassan, Rogayah Abd. Razak & Wan Zaleha Mohd. Nordin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Ahmad Saman & Ahmad Sebi (1996). *Peranan Media Dalam Masyarakat Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Salehudin Aman (1993). Analisis Kesalahan Tatabahasa *Bahasa Melayu Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Atas*. Tesis Masters, Universiti Putra Malaysia (UPM).Nik Safiah Karim (1986). "*Pencemaran Bahasa Melayu dan Kesannya Terhadap Pengajaran Bahasa Malaysia*" dlm. Dewan Bahasa 24: bil Jun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed dan Rohani Mohd Yusof. (2011). *Pengelompokan Leksikostatistik Bahasa-Bahasa Peribumi Di Sarawak*. Universiti Sains Malaysia.
- Noriah Mohamed & Rohani Mohd. Yusuf .(2003). "*Persamaan dan Kemiripan Bahasa: Perbandingan Kosa Kata Dasar Sepuluh Bahasa Austronesia di Sarawak*". Kertas kerja Seminar Brunei Darussalam-Jepun, Universiti Brunei Darussalam, 11-12 Ogos 2003.
- Norhisham Osman. (1999). "*Pemeliharaan dan penyisihan bahasa : kajian kes terhadap komuniti minoriti Rajang-Tanjong*". Tesis PHD Universiti Malaya.
- Mohd Sharifudin Yusop.(2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). "*Keusangan Bahasa Orang Melayu Proto: Kajian Sosiologi Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*". Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.

- Mohd Sharifudin Yusop. (2000). *Kelestarian Bahasa Mandailing di Malaysia: Satu Tinjauan Sosiologi Bahasa*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Jidin Ahmad. (1994). *Sastera Rakyat dalam Masyarakat Orang Asli*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nicholas, Collin. (2000). *The Orang Asli and The Contest for Resources: Indegenous Politic, Development and Identity in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Vinlin Press Sdn. Bhd.
- Nicholas, Colin. (2000). *The Orang Asli and the Contest for Resources, Indigenous Politic, Development and Indentity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs (IWGIA).
- Nicholas, Collin. (1997). *The Orang Asli of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Centre for Orang Asli Concerns.
- Pelto & Pelto.(1978). *Anthropological Research: The Structure of Inquiry*. Cambridge University Press.
- Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015.(2011). Kuala lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Ritah Yahaya. (2006). Artikel “ Peranan Radio dalam Kalangan Orang Asli: Dari Siaran Orang Asli ke Asyik FM. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Mashudi.(1999). “*Perbandingan Fonologi Bahasa Jawa dan Bahasa Melayu Di sabak Bernam.*” Tesis Master, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Ramlee Abdullah. (1993). *Semoq Beri: Komuniti Orang Asli di Terengganu*. Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Rohani Mohd Yusof (1986). *Dialek Geografi Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sibrani, Robert. (2004). *Antropolinguistik: Antropology Linguistik, Linguistik Antropologi*. Medan: Poda.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Perkembangan Kerjaya: Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sulaiman Masri & Razali Ayob (2002). *Komunikasi Kewartawanan: Penulisan Berita, Rencana Dan Ulasan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Soekanto Soerjono. (1983). *Beberapa Teori Tentang Struktur Masyarakat*. Indonesia: PT Raja Grafindo Persada.



- Teo Kok Seong. (2008). *Bahasa Melayu Dan Komunikasi Dalam Dunia Globalisasi: Persoalan Keupayaan Bahasa Melayu, Keutuhan Jati Diri Bangsa Melayu Dan Ketakutan Budaya Melayu*. Kertas kerja Bulan Bahasa & Sastra Negara 2008 – Peringkat Negeri: Melaka.
- Tuan Jah Tuan Yusof. (2004). "*Indeks Kognitif: Analisis Leksikal Bahasa Melayu dan Bahasa Orang*". Tesis PHD, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Taylor. (1982). *Meetings Discussion*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Wan Muna Ruzana Wan Mohammad. (2009). "*Trend Asimilasi Penggunaan Bahasa Melayu dan Nilai-Nilai Kemelayuan dalam Kalangan Masyarakat Baba dan Nyonya di Melaka*". Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Wan Zahari. (1993). "Kajian Leksikal dan Semantik dalam Sajak-Sajak J.M. Aziz". Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Wan Khairulhusna Wan Mokhtar. (2011). "*Kelestarian Bahasa Orang Asli Bateq dan Mah Meri Berdasarkan Aspek Fonologi dan Leksikal*". Tesis Master, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Abidin Masleh. (2011). "*Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelstarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*". Tesis PHD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Zainal Kling. (1997). *Orang Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Zulkifley Ahmad. (2007). *Konsep Bahasa*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.